

JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
TINGKAT 9-14  
BANGUNAN UMBC.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR.

9hb. Ogos, 1974

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1974**

**Tuntutan Elaun Kerana Menjalankan Tugas**

Saya diarah merujuk kepada perbekalan yang terdapat di [Perintah Am Bab 'B' 1(i)]<sup>1</sup> yang telah memberikan tafsiran kalimat "Ibu Pejabat" bagi tujuan membuat tuntutan elaun kerana menjalankan tugas.

2. Adalah diputuskan bahawa perbekalan yang terdapat dalam Perintah Am Bab 'B' 1(i) tersebut adalah dikecualikan bagi Anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia. Bagi Anggota-anggota Pasukan Polis mereka boleh membuat tuntutan terhadap elaun lojing dan makan jika sekiranya mereka dikehendaki bertugas di luar lengkongan kawasan satu-satu Balai Polis (Station Area). Lengkongan kawasan Balai Polis ini adalah ditentukan oleh Jabatan Polis Negara. Walau bagaimanapun pelonggaran yang diberi ini masih tertakluk kepada syarat-syarat jangka waktu yang dikenakan oleh Perintah Am Bab 'B' tersebut.
3. Keputusan ini adalah dibuat hasil daripada persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (Perkhidmatan Polis) pada 30 hb. Julai, 1974 dan akan berjalan kuatkuasanya mulai dari 1hb. Ogos, 1974.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ALI BIN HASSAN)

Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.

---

1. Tafsiran mengikut [\*\*Perintah Am Bab 1 \(i\)\*\*](#) adalah seperti berikut:-

"1 (i) "Ibu Pejabat" bermakna satu lingkungan kawasan seperti di bawah yang dikira dari pejabat atau tempat seseorang itu biasa melapurkan diri untuk bertugas P.T.O.

- (1) bila dihubungi oleh jalanraya, satu lingkungan 15 batu
- (2) bila dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor, 10 batu
- (3) bila dihubungi oleh jalan basikal atau sungai 5 batu."